

Nama:

Kelas:

Tarikh:

Tingkatan 2

Tajuk: Keselamatan

Pilih jawapan yang betul bagi soalan 1-10.

1. Remaja perlu memberikan perhatian yang lebih dalam aspek
A. kewangan B. kecantikan diri C. perhubungan rakan sebaya D. keselamatan diri
2. Gangguan seksual ialah _____.
A. Perlakuan yang tidak boleh diterima oleh akal
B. Perasaan resah gelisah dalam diri seseorang
C. Tingkah laku yang tidak dapat diterima oleh masyarakat
D. Perasaan tidak selesa kerana diganggu oleh orang yang tidak dikenali
3. "Antara jenis gangguan seksual ialah secara verbal dan bukan verbal." Pernyataan ini betul atau salah?
A. Betul B. Salah
4. Perlakuan seksual merujuk kepada
A. Perlakuan membuli individu lain
B. Perbuatan untuk memuaskan nafsu si pelaku
C. Perbuatan yang mengganggu perasaan individu lain
D. Sebarang perlakuan individu yang memaksa, memperdaya atau mengugut mangsa
5. "Teguran, komen, jenaka, membuat bunyi dan soalan berbentuk lucah." Pernyataan ini merujuk kepada gangguan seksual melalui
A. Isyarat B. Lisan C. Visual D. Psikologi
6. "Meluahkan perasaan atau hasrat yang berbentuk mendesak." Pernyataan ini merujuk kepada gangguan seksual melalui
A. Lisan B. Visual C. Psikologi D. Fizikal
7. Penderaan seksual terhadap kanak-kanak biasanya dilakukan oleh
I seseorang yang jauh lebih dewasa III seseorang yang dipercayai oleh kanak-kanak
II seseorang dalam kedudukan berkuasa IV seseorang yang tidak dikenali oleh kanak-kanak
A. I, II, III B. II, III, IV C. I, II, IV D. I, II, III, IV
8. Gangguan seksual boleh berlaku secara:
I sengaja II isyarat III lisan IV visual
A. I, II, III B. II, III, IV C. I, II, IV D. I, II, III, IV
9. Cara-cara menangani gangguan seksual dan penderaan seksual ialah:
I berpakaian sopan III berani berkata "TIDAK"
II berkawan secara bebas IV tidak bebas bersentuhan
A. I, II, III B. I, II, IV C. I, III, IV D. II, III, IV
10. Selain keluarga, mangsa gangguan atau penderaan seksual juga boleh melaporkan kes kepada:
I Polis III Talian kasih 15999
II Kaunselor atau guru sekolah IV Jabatan kebajikan masyarakat
A. I, II, III B. I, II, IV C. I, III, IV D. I, II, III, IV